

Banjir setiap kali hujan

Penduduk Taman Sentosa mahu penyelesaian menyeluruh

MUHAMMAD FAIZ SULONG

KLANG - Penduduk di Taman Sentosa, Klang menggesa pihak berwajib agar segera mencari penyelesaian jangka panjang yang menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan tersebut.

Penduduk mendakwa punca kawasan perumahan berkenaan kerap dinaiki air setiap kali hujan adalah disebabkan masalah sistem saliran di kawasan Taman Botani menyebabkan aliran air longkang Taman Sentosa tidak dapat keluar dan berlakunya limpahan air.

Seorang penduduk, Indran V.M Venu Gopal, 43, berkata, masalah ini telah berlarutan sekian lama tanpa penyelesaian konkrit, memaksa penduduk berdepan masalah banjir setiap kali hujan lebat berlaku.

"Punca utama kepada masalah ini ialah sistem perparitan dan saliran. Masalah saliran ini bukannya berlaku di Taman Sentosa sebaliknya puncanya ialah di Taman Botani yang tersumbat atau aliran air tidak lancar.

"Saliran air di sini akan mengalir keluar di sana, jika di sana bermasalah, jadi timbullah masalah banjir di sini kerana air tak dapat keluar," katanya.

Menurutnya lagi, walaupun pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) sering kali me-



Kawasan jalan utama turut tidak terlepas dinaiki air apabila hujan lebat.

lakukan kerja-kerja pembersihan longkang dan saliran di Taman Sentosa setiap kali berlaku banjir, itu tidak cukup kerana masalah banjir tetap berlaku lagi.

"Kita memang banyak kali laporan kepada pihak MPK dan kita lihat mereka juga sentiasa turun ke kawasan ini untuk pembersihan longkang dan sebagainya, namun kita mahu satu penyelesaian yang lebih menyeluruh," katanya kepada Sinar Harian.

Seorang lagi penduduk, Albert John, 55, pula berkata, setiap kali banjir penduduk akan alami banyak



ALBERT JOHN



INDRAN

masalah termasuk kerosakan barangan elektrik apabila air melimpah ke dalam rumah, pergerakan pula terbatas untuk kerja seharian dan juga kerosakan kenderaan yang pastinya melibatkan kos baik pulih yang tinggi.

"Masalah banjir di kawasan ini semakin parah setelah lebih banyak kawasan

perumahan dibangunkan di sekitar taman ini menyebabkan saliran longkang tidak dapat menampung aliran air keluar.

"Kita pun tak tahulah masalah ini tanggungjawab kerajaan negeri atau persekutuan,

tapi kita minta tolong cari satu penyelesaian jangka panjang yang menyeluruh berhubung masalah ini

"Kita minta selesaikan masalah terutama di kawasan Taman Botani dan kalau boleh di Taman Sentosa ini mungkin boleh perbesarkan longkang atau kolam tadahan dan sebagainya," katanya.